

PM catat sejarah

UM 19 FEB 2002

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 18 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mencatatkan sejarah sebagai pemimpin dunia pertama yang berada paling lama di Benua Antartika.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Dr. Mahathir juga merupakan pemimpin Islam pertama menjejakkan kaki di benua yang paling sejuk, kering dan berangin di dunia ini.

Sehingga kini, kata beliau, belum ada pemimpin dunia termasuk dari

negara maju yang berada lebih empat hari di benua berkenaan.

"Kebanyakan mereka hanya berada selama sehari dua di benua itu," katanya kepada *Utusan* di sini hari ini.

Najib merupakan antara tiga menteri Kabinet yang menyertai rombongan ekspedisi menjelajah Benua Antartika yang diketuai oleh Perdana Menteri.

Dua lagi menteri lain ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Selain isteri Perdana Menteri,

Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, turut serta dalam ekspedisi itu ialah isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Syed Hamid, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin dan isteri Law, Datin Seri Ngui Soon Leng.

Ekspedisi berkenaan turut diiringi oleh pelayar negara, Datuk Azhar Mansor.

Najib berkata, beliau mengagumi semangat kental Perdana Menteri yang berjaya mengharungi dugaan-dugaan sepanjang penjelajahan di Antartika.

"Kita terpaksa mengharungi kawasan ais yang tebal, ombak seting-

di Benua Antartika

gi sembilan meter dan angin yang berkelajuan 60 kilometer sejam," jelasnya.

Beliau memberitahu, ramai di kalangan anggota delegasi yang mabuk kecuali Dr. Mahathir yang bertahan sehingga ke akhir ekspedisi tersebut.

Ditanya perasaannya ketika berada di benua tersebut, Najib menyifatkan ia sebagai satu pengalaman yang cukup berharga dalam hidupnya.

Pengalaman tersebut, katanya, mungkin tidak akan berulang sekali lagi dalam hidupnya.

"Saya dapat mengecapi satu be-

nua yang tidak ternoda oleh sebarang pencemaran yang tidak wujud di tempat lain di dunia ini," jelasnya.

Menurut Najib, beliau bersama ekspedisi menjelajah sejauh 600 kilometer di benua tersebut.

Perdana Menteri yang kini sedang bercuti di Argentina bertolak ke Vernadskiy, Antartika pada 6 Februari lalu dengan menaiki kapal pemecah ais buatan Rusia, Kapitan Dranitsyn dari Ushuaia, Argentina.

Beliau kembali semula di Ushuaia pada 13 Februari lalu.

Antartika yang 98 peratus daripada benua itu diliputi ais setebal 2,000 hingga 4,000 meter, mempu-

nyai keluasan dua kali lebih besar daripada Australia.

Pada Oktober 1999, Malaysia telah menghantar empat saintis ke Antartika untuk menjalankan penyelidikan di benua tersebut.

Kumpulan itu terdiri daripada saintis dari Universiti Malaya yang menjalankan penyelidikan mengenai pencemaran udara.

Pada Disember lepas, Malaysia menghantar misi kedua terdiri daripada dua saintis dari Universiti Malaya yang menjalankan penyelidikan mengenai sains marin dan biologi.